

# **KAJIAN TENTANG NON-MUSLIM KETURUNAN SIAM DI KELANTAN**

Oleh  
Prof. Madya Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin\*

## **Abstract**

*This article discusses Siam's community in Kelantan, especially from the point of view of their religion. One of the important findings in this research is that the people of Siam in Kelantan are not quite strong in their religion, although they look like strong. This article also reveals the conduct of Malays which are liked and disliked by the Siameses in Kelantan. The article will be useful to those who want to know about the Siam's community in Kelantan, because it will ease the efforts to unite Malaysian society.*

## **1. MUQADIMAH**

Seperti masyarakat di tempat-tempat lain di Malaysia, masyarakat Kelantan terdiri dari berbagai-bagai kelompok bangsa dan asal keturunan. Satu daripada kumpulan masyarakat di Kelantan ialah masyarakat keturunan Siam yang beragama Buddha. Masyarakat ini, walaupun kecil, agak unik dan kaya dengan sejarahnya yang tersendiri.

Kajian untuk mengenalpasti budaya masyarakat Siam sangat diperlukan kerana ia boleh menolong usaha perpaduan kaum. Jika dilihat dari sudut dakwah, kajian seperti ini lebih diperlukan. Ini kerana pengetahuan yang tepat berhubung dengan budaya kaum yang menjadi sasaran dakwah, terutama sudut agama, kepercayaan dan perasaan terhadap orang lain menjamin hasil yang lebih tepat.

Sesuatu program dakwah yang diatur tanpa melihat terlebih dahulu keadaan sasaran secara mendalam bukan setakat sukar mendapat kejayaan, malah boleh

---

\*Pensyarah di Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya merangkap Ketua Jabatan.

menimbulkan fitnah dan masalah. Kajian untuk tujuan tersebut sangat diperlukan pada setiap masa.

## 2. KAEADAH KAJIAN

Dalam mengumpul data-data, kajian ini lebih menggunakan metod *sampling*. Terdapat 20 wat/ketik di Kelantan. Ketik-ketik ini menjadi inti kepada perkampungan orang Siam di Kelantan. Taburan ketik-ketik tersebut ialah 12 di daerah Tumpat, 3 di daerah Bachok, 2 di daerah Pasir Mas, 2 di daerah Pasir Puteh dan 1 di daerah Tanah Merah.

Empat buah ketik/perkampungan orang Siam dijadikan *sampling*. Perkampungan-perkampungan yang terpilih untuk mewakili keseluruhan ketik/perkampungan orang Siam di Kelantan ialah:

1. Wat/Kampung Jong Bakar (ketik tengah).
2. Wat/Kampung Terbak.
3. Wat/Kampung Kubang Panjang.
4. Wat/Kampung Mentua.

Data-data dipungut melalui soal selidik, *interview* dan pengamatan.

Banyak soalan dikemukakan kepada responden untuk mendapatkan data-data. Responden-responden yang terlibat ialah:

1. Tok raja/ketua sami
2. Penghulu/ketua kampung orang Siam.
3. 20 orang Siam kampung-kampung yang terlibat.

Data-data yang didapati, dianalisis untuk dibuat kesimpulan.

## 3. ORANG SIAM DI KELANTAN

Orang Siam di Kelantan dipercayai berasal dari Selatan Thailand. Pada satu ketika dahulu, nenek moyang orang Siam berpindah dari Selatan Thailand untuk menetap di Kelantan.<sup>1</sup> Sejak awal abad ke-19 Siam melindungi Kelantan dari

<sup>1</sup>Lembaga Perpaduan Negara, (t.t), *Resam Muhibah Masyarakat Malaysia*, (siri kedua), hal. 3.

ancaman luar.<sup>2</sup> Pengaruh Siam ke atas Kelantan melalui hubungan persahabatan dan perlindungan berakhir pada tahun 1909, setelah Kelantan menerima naungan Inggeris.<sup>3</sup> Walaupun tiada catatan sejarah yang jelas tentang permulaan perpindahan orang Siam ke Kelantan, namun dapat difaham bahawa dalam masa hubungan tersebut memungkinkan berlakunya perpindahan itu secara mudah.

Jumlah penduduk keturunan Siam di Kelantan mengikut banci 1970 ialah 7,070 orang.<sup>4</sup> Ada pendapat yang menyatakan bahawa awal tahun 90-an jumlah orang Siam meningkat kepada 26,000 orang lebih. Namun, mengikut pendapat lain, ia hanya berjumlah tidak lebih 15 ribu orang sahaja.<sup>5</sup> Alasan kenapa jumlah orang Siam kurang bertambah, mengikut pendapat ini kerana adanya trend tidak suka kepada anak ramai di kalangan orang Siam yang dilakukan dengan merancang keluarga, ramai yang berpindah ke Thai untuk mencari penghidupan dan terdapat ramai juga wanita Siam yang berkahwin dengan bangsa lain seperti Melayu dan Cina.<sup>6</sup>

Dari sudut pekerjaan, 80 peratus orang keturunan Siam di Kelantan adalah petani.<sup>7</sup>

#### 4. AGAMA ORANG SIAM DI KELANTAN

##### 4.1 MAKLUMAT ASAS AGAMA BUDDHA

Orang Siam menganut agama Buddha aliran *Theravada (Hinayana)*. Pada asasnya, agama Buddha mempunyai lima perkara tegahan, iaitu:<sup>8</sup>

1. Menjauhkan diri daripada membunuh.
2. Menjauhkan diri daripada mencuri.
3. Menjauhkan diri daripada berzina.

<sup>2</sup>Rahmat Saripan (1978), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan*, DBP, hal. 148.

<sup>3</sup>Nakula, Abdullah Mohamed, (1981), *Keturunan Raja-Raja Kelantan Dan Peristiwa-Peristiwa Bersejarah*, PMNK, KB, hal. 30 dan 34.

<sup>4</sup>Lembaga Perpaduan Negara, *op.cit*, hal. 3.

<sup>5</sup>Eh Sai a/l Chua Ring (Penolong Pegawai Perpaduan Kanan, Jabatan Perpaduan Kelantan), *interview*, 13.9.1997.

<sup>6</sup>*Ibid*

<sup>7</sup>*Ibid*

<sup>8</sup>Piyasilo, (1991), *The Buddha's Teachings*, Petaling Jaya, hal. 1.

4. Menjauhkan diri daripada berdusta.
5. Menjauhkan diri daripada meminum minuman yang memabukkan.

Ajaran Buddha yang diterima sekarang tidak menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan ketuhanan. Ajarannya banyak menekankan *ritual*. Satu daripada ajaran Buddha ialah mempercayai konsep Karma iaitu baik dibalas baik dan sebaliknya, dengan berlakunya pusingan kehidupan manusia. Kelahiran manusia yang tidak sempurna adalah akibat daripada keburukan yang pernah dilakukan sebelumnya.<sup>9</sup>

Ajaran Buddha diperkenalkan oleh Siddharta Gautama (1.560BC), seorang anak raja dari kerajaan Sakya Kingdom berhampiran Nepal.

#### **4.2 PENGHAYATAN AGAMA DAN KEPERCAYAAN MASAKINI**

Adakah orang Buddha keturunan Siam di Kelantan kuat berpegang kepada agama? Jawapan untuk persoalan tersebut diberikan oleh ketua-ketua sami sebagaimana berikut:

1. 50 peratus menjelaskan hanya biasa sahaja.
2. 25 peratus menjelaskan bercampur-campur, iaitu ada yang kuat dan ada yang tidak.

Dari sini dapat dilihat bahawa kebanyakan orang Siam di Kelantan adalah sederhana sahaja dalam pegangan mereka terhadap agama mereka.

Satu daripada pengukuran yang jelas untuk menentukan samada mereka kuat beragama atau tidak ialah perlaksanaan mereka dalam *ritual* atau pemujaan (sembahyang).

Dalam hal ini, jawapan yang diberikan oleh responden adalah sebagaimana berikut:

1. 70 peratus menjawab jarang-jarang.
2. 25 peratus menjawab selalu melakukannya.
3. 5 peratus menjawab tidak melakukannya.

Data di atas jelas menunjukkan bahawa kebanyakan orang Siam tidak melaksanakan *ritual* yang diwajibkan ke atas mereka.

---

<sup>9</sup>Ibid, hal. 23-24.

Di samping itu, agama Buddha mewajibkan penganutnya belajar mengenai agamanya. Kajian ini menunjukkan bahawa mereka bersetuju atas kewajipan tersebut, namun mereka tak mahu belajar dan tidak dipaksa supaya berbuat demikian.

Di antara pokok dalam agama Buddha ialah tentang Buddha. Apakah kefahaman orang Siam di Kelantan tentang Buddha? Persoalan yang ditimbulkan dalam hal ini ialah siapakah Buddha?

Jawapan yang diberikan oleh responden, Buddha adalah seperti nabi bagi orang Islam atau pembawa agama atau sebagai guru. Di samping itu, ramai juga orang Siam yang berpendapat bahawa patung Buddha sebagai perantaraan.

Dengan ini jelas menunjukkan bahawa Buddha tidak dianggap Tuhan oleh orang Siam di Kelantan. Dia hanya sebagai pembawa ajaran Buddha.

Apa pula pandangan orang Siam terhadap Tuhan atau pencipta alam ini? Jawapan yang diberikan oleh kebanyakan Tok Raja/Ketua Sami bahawa Tuhan tiada, dengan itu alam ini adalah ada secara semulajadi. Namun, kebanyakan orang awam Siam berpendapat bahawa Tuhan itu ada. Hanya sebilangan kecil mereka yang mengatakan tidak tahu.

Kajian ini menunjukkan bahawa ajaran Buddha tidak mendedahkan kepada pengikut-penganutnya perkara-perkara yang berhubung dengan ketuhanan, sehingga mereka menjadi sangat kabur mengenainya. Di kalangan orang awam keturunan Siam, mungkin kepercayaan mereka tentang adanya Tuhan dipengaruhi oleh orang-orang Islam di sekeliling mereka yang mempercayai tentang adanya Tuhan. Ia bercanggah dengan kebanyakan Tok Raja yang berpendapat Tuhan/Pencipta tidak ada.

Bagaimakah tentang akhirat atau hidup semula selepas mati?

Tidak ada di kalangan orang Siam suatu bentuk yang jelas tentang perkara ini. Cuma penjelasan yang diberikan oleh kebanyakan mereka ialah baik dibalas baik jahat dibalas jahat. Ramai mereka berpendapat bentuknya seperti kepercayaan dalam Hindu iaitu kepercayaan *rebirth*. Ada juga sebahagian mereka berpendapat bahawa selepas dibalas akan hidup balik.

Kajian ini menunjukkan bahawa orang Siam di Kelantan tidak mendapat suatu ajaran yang jelas tentang hidup selepas mati. Pengetahuan mereka tentang perkara ini tidak menyakinkan.

Orang Siam mengadakan satu upacara bacaan setelah seseorang meninggal. Bacaan tersebut dipanggil Bacaan *Aphidham*, yang dilakukan dalam bahasa Pali. Apa

sebab bacaan tersebut diadakan?

Jawapan yang diberikan ialah peringatan kepada yang hidup dan mengajarnya seperti juga bacaan *talqin*.

Di antara ciri-ciri penting dalam agama Buddha ialah upacara pemujaan. Siapakah yang dipuja oleh orang Siam?

Kebanyakan mereka memberi jawapan bahawa mereka memuja Buddha atas jasanya atau ajaran Buddha. Sebahagian mereka juga memberi jawapan bahawa mereka memuja roh nenek moyang dan roh ibubapa. Sebahagian kecil sahaja memberi jawapan bahawa mereka memuja Tuhan dan guru.

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan orang Siam di Kelantan membuat pemujaan kepada Buddha bukan kepada Tuhan atau pencipta. Keadaan ini selaras dengan ajaran Buddha yang tidak menyentuh hal-hal ketuhanan.

## 5. PANDANGAN TERHADAP ISLAM DAN ORANG MELAYU

Di antara persoalan yang ditimbulkan ialah apa yang tak disukai pada orang Melayu?

Kebanyakan mereka memberi jawapan bahawa mereka tidak suka pada orang Melayu yang jahat atau perangai jahat dan orang Melayu yang suka menghina orang lain (orang Siam).

Namun, ada yang berpendapat bahawa mereka tidak ada apa-apa pandangan terhadap orang Melayu, selain dari masalah makan dan minum yang seolah-olah ada sekatan.

Perkara-perkara yang tak boleh diterima atau dibenci jika ia dilakukan oleh seseorang ialah melakukan kejahanatan, main bini dan anak orang, melanggar larangan (zina, bunuh, curi, arak dan bohong), bunuh ibu bapa dan hasut supaya berpecah.

Dalam kehidupan harian, terdapat beberapa kelakuan orang Melayu yang tidak disukai, iaitu:

1. Mengatakan sami seperti kumbang berdasarkan pakaianya yang berwarna kuning.
2. Meludah dan menutup hidung ketika berjumpa dengan sami.

3. Menuduh orang Siam menyembah kayu atau batu.
4. Peraturan Islam dan orang Melayu yang dianggap memaksa.
5. Masuk Islam kerana hanya ingin kahwin.
6. Berusaha dan menipu supaya orang lain masuk Islam.
7. Mengajak mereka masuk Islam, sedangkan orang yang mengajak itu tidak dikenali sebelumnya.
8. Menghina agama mereka.
9. Orang yang tidak terbuka.
10. Ego dan merasa diri mereka sahaja yang betul.

Data-data tersebut menunjukkan bahawa perkara yang tidak disukai oleh orang keturunan Siam di Kelantan yang dilakukan oleh orang Melayu ialah menghina mereka dengan apa bentuk penghinaan sekalipun.

Selain daripada itu persoalan yang ditimbulkan ialah apa perkara-perkara yang disukai pada orang Melayu. Kebanyakan orang Siam bersetuju bahawa perkara yang disukai pada orang Melayu ialah orang Melayu yang baik. Manakala sebahagian kecil menyebut bahawa mereka sukaan orang Melayu yang boleh bekerjasama dan boleh menerima orang Siam.

Apa pula pandangan orang Siam terhadap Islam?.

Kebanyakan mereka bersetuju bahawa mereka tiada apa-apa pandangan dalam hal ini, sebab masing-masing punya hak mengenai agama. Namun ramai juga dari kalangan mereka yang tidak setuju dengan Islam kerana Islam memaksa penganutnya, seperti mesti sembahyang, puasa dan zakat, sedangkan orang Siam tidak suka bentuk-bentuk yang memaksa. Mereka menganggap dalam Islam tiada kebebasan seperti orang Siam masuk Islam boleh, tetapi sebaliknya tidak boleh. Berhubung dengan perkara ini ramai di antara mereka beranggap bahawa agama Islam juga sama dengan agama-agama lain.

Data-data tersebut menunjukkan bahawa orang Siam tidak suka paksaan. Apabila dilihat dalam Islam itu banyak perkara yang terpaksa dilakukan maka Islam tidak disukainya.

Apa perasaan orang Siam ketika melihat orang Islam masuk ke dalam kawasan mereka?

Jawapan yang diberikan bahawa kebanyakan mereka beranggapan itu adalah

biasa sahaja. Namun sebahagian kecil dari mereka agak berhati-hati dan bertanya-tanya dengan keadaan tersebut.

## 6. MENUKAR AGAMA (MASUK ISLAM)

Apa perasaan orang Siam jika terdapat orang mereka menukar agama kepada Islam?

Kebanyakan mereka menjelaskan dalam hal ini bahawa itu suatu perkara biasa sahaja. Namun ramai di antara mereka yang tengok keadaan. Jika pertukaran itu berjalan dengan baik dan tidak menjelaskan keadaan, ia tidak ada apa-apa perasaan. Tetapi jika ia membawa kepada masalah dalam hubungan dan kehidupan, akan menimbulkan perasaan marah.

Ada di antara mereka yang tidak suka dan marah kerana dengan itu bererti meninggal ibubapa. Alasan yang diberikan kenapa mereka marah ialah kerana terputus hubungan, tidak dapat hasil daripada anak, dianggap sesat, pergaulan akan terhad dan tidak nampak kebaikan selepas Islam.

Data-data di atas menunjukkan bahawa pertukaran agama tidak menjadi satu kemarahan mereka jika ia berlaku dengan baik. Di antara perkara yang dirasai dalam pertukaran agama ialah putus hubungan, yang mereka tidak sanggup berlaku demikian.

## 7. HUBUNGAN

Sebelum ini dijelaskan bahawa terdapat 20 ketik di Kelantan. Bagaimanakah hubungan di antara ketik-ketik tersebut?

Kebanyakan mereka menjelaskan bahawa hubungan di antara ketik-ketik adalah rapat.

Alasan yang diberikan kerana adanya kerjasama dan tolong menolong di antara mereka.

Bagaimanakah pula tentang hubungan antara orang Siam dan orang Melayu?

Jawapan yang diberikan adalah berbeza-beza, iaitu ada yang menyebut agak kurang baik, ada yang berasa baik dan ada pula yang berasa biasa sahaja.

## 8. RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

1. Dari sudut ekonomi masyarakat keturunan Siam di Kelantan termasuk ke dalam golongan miskin yang kebanyakannya menjadi petani tradisional. Begitu juga dari sudut pelajaran, pencapaian masyarakat ini kurang memuaskan.
2. Ajaran Buddha banyak menekan hal-hal yang berkaitan dengan *ritual*. Hal-hal lain, walaupun yang berhubung dengan ketuhanan tidak diberikan pendedahan. Tiada suatu garis ajaran yang jelas di kalangan orang Siam di Kelantan dalam hal-hal selain daripada *ritual*. Dengan itu kefahaman mereka berbeza, walaupun pada perkara pokok dalam agama.
3. Usaha dakwah dari masyarakat Islam kepada orang Siam di Kelantan tidak dilakukan. Institusi ketik yang menjadi pusat kepada penghidupan masyarakat Siam menjadi satu sebab kenapa usaha ini sukar dilakukan.
4. Orang Siam di Kelantan tidaklah terlalu kuat berpegang kepada ajaran Buddha. Kebanyakan mereka berpegang kepada ajaran ini secara sederhana sahaja. Walaupun begitu, disebabkan institusi ketik yang mengikat mereka menjadi suatu ikatan, mereka kelihatan kuat berpegang kepada ajaran mereka.
5. Masyarakat Siam di Kelantan memuja Buddha dan nenek moyang. Namun pemujaan mereka ke atas Buddha bukanlah disebabkan kepercayaan kepadanya sebagai Tuhan. Ia sebagai suatu pemujaan ke atas pembawa ajaran Buddha.
6. Disebabkan ajaran Buddha tidak menyentuh hal-hal ketuhanan, Tok-tok Raja dan sami-sami masyarakat Siam di Kelantan tidak mempercayai tentang adanya Tuhan/Pencipta. Keadaan ini berbeza dengan masyarakat awam mereka yang mengakui tentang adanya Tuhan yang mungkin terpengaruh dengan masyarakat Melayu. Manakala kepercayaan mereka kepada kebangkitan semula tiada suatu garis panduan yang jelas mengenainya menyebabkan berlakunya kekaburuan tentang bagaimana kedudukannya yang jelas tentang perkara itu.
7. Ada beberapa sikap orang Melayu di Kelantan yang tidak disukai oleh orang Siam iaitu seperti sikap orang Melayu yang

menghina orang Siam dengan sebab beragama Buddha dan menjadi sami, berusaha supaya orang Siam memeluk Islam, tiada diplomasi dalam hal-hal agama dan sikap yang merasa dirinya sahaja yang betul. Sikap tersebut boleh menjelaskan hubungan baik di antara dua kaum tersebut.

8. Ramai orang Siam menganggap agama Islam berbentuk memaksa. Tanggapan tersebut dikira berlawanan dengan budaya mereka yang mengamalkan agama secara sukarela. Di samping itu, dianggap bahawa agama Islam tidak boleh dianut oleh seluruh manusia kerana manusia perlu mempelbagaikan agama, seperti makhluk ini terjadi dalam bentuk yang berbagai-bagai.

9. Masyarakat Siam di Kelantan tidaklah menolak golongannya menukar agama kepada Islam, jika ia dilakukan secara baik. Namun disebabkan kebiasaan yang terjadi iaitu dengan masuk Islam membawa masalah kepada hubungan kekeluargaan, pertukaran tersebut tidak disukai.